



Corriere hantar makanan

SATU ujian menggunakan robot penghantaran automatik Continental, yang dipanggil Corriere - menghantar makanan dari kedai-kedai makan di Jurong East ke JTC Summit.

Untuk membuat penghantaran, robot-robot berkenaan berkomunikasi dengan lampu trafik untuk menyeberang jalan dan menaiki lif di bangunan tinggi.

Robot-robot itu adalah antara 16 projek yang dibangunkan oleh sebuah makmal korporat baru bernilai \$50 juta, iaitu kerjasama antara firma automotif Jerman Continental dengan Universiti Teknologi Nanyang (NTU).

Rangkaian 5G Singtel dan NTU menggunakan teknologi-teknologi navigasi tanpa pemandu kawasan luar bangunan serta membangunkan model perniagaan yang berdaya mampan bagi platform robot penghantaran.